



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

BAHAGIAKANLAH IBU DAN BAPA

Tarikh Dibaca :

04 September 2020 / 16 Muharam 1442H

Disediakan oleh :

Bahagian Rujukan Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Pahang



BAHAGIAKANLAH IBU DAN BAPA

04 September 2020 | 16 Muharam 1442H

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Islam amat memuliakan insan yang bergelar ibu dan bapa. Memuliakan ibu atau bapa, bukanlah hanya dengan memberi harta yang melimpah ruah tetapi dengan akhlak yang baik daripada anak-anak. Ini adalah antara ciri orang beriman



yang dicintai oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Atas kemuliaan dan ketinggian kedudukan ibu dan bapa di dalam agama, maka Allah Subhanahu wa-Ta'ala mewajibkan kita berlaku ihsan kepada kedua-duanya. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah al-Nisa ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا^ص وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

Yang bermaksud: “Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan berbuat baiklah kepada kedua ibubapa....”

Ayat ini menjelaskan bahawa hendaklah kita berbuat baik kepada ibubapa serta mencari keredhaan dan menggembirakan hati kedua-duanya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Anak-anak yang mengasihi ibu bapa, mereka akan sentiasa memelihara akhlak dan sahsiah diri menuju jalan kemuliaan. Antara sikap mulia anak-anak kepada ibubapa adalah berlemah lembut, berbudi bahasa, tidak derhaka dan sentiasa ingat pengorbanan serta mendoakan keampunan dan kesejahteraan kepada mereka.



Imam Muslim meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu anhu bahawa Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda yang bermaksud:

“Celakalah dia, Celakalah dia, Celakalah dia”. “Sesiapa yang mendapati kedua ibubapanya yang sudah tua atau salah seorang daripada keduanya, tetapi dia tidak dapat masuk ke syurga (kerana tidak dapat memelihara mereka sebaik-baiknya).

Ingatlah! Ibubapa sudah terlalu banyak berkorban dan berjasa kepada kita, justeru menghayati pengorbanan mereka dalam tempoh tertentu adalah tidak memadai. Bahkan kita dituntut mengenang jasa mereka dengan kasih sayang sepanjang hayat. Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam Surah al-Israk ayat 23:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغُنَّ عِنْدَكَ

الْكِبْرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا نَهْرَهُمَا وَقُلْ لَهُمَا

قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

Yang bermaksud: “Tuhanmu telah memerintah supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibubapa. Jika salah seorang daripada kedua-duanya atau kedua-duanya sekali



sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu maka janganlah engkau berkata kepada mereka sebarang perkataan kasar sekalipun perkataan “Ah” dan janganlah engkau menengking mereka tetapi ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia bersopan santun.”

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ آيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.